



مؤتمر الإمام الشافعي الدولي

IMAM AS-SYAFI'I INTERNATIONAL CONFERENCE

Seminar Antarabangsa Imam As-Syafi'i

Ketahanan Fiqh As-Syafi'i Dalam Mewujudkan Kesejahteraan Ummah
Sustainability of Fiqh As-Syafi'i in Driving the Prosperity of the Ummah

26-27 Syawal 1444 | 17-18 Mei 2023
Borneo Convention Centre Kuching

KERTAS KERJA 9

FIQH AS-SYAFIE DALAM ISU KEWANITAAN: SOROTAN TERHADAP FATWA-FATWA DI MALAYSIA

PENDAHULUAN

Pengamalan fiqh Syafie dalam kehidupan orang Islam di Malaysia sudah merupakan suatu yang diperakui oleh semua pihak. Pengaruh mazhab tersebut telah bersebatu dalam masyarakat sama ada dalam komuniti para cendekiawan agama mahupun orang awam. Secara tradisinya paradigma mazhab Syafi'i menjadi ikutan yang sebatu tanpa pertikaian. Dengan demikian, jika dilihat secara lebih khusus dalam amalan penfatwaan, maka didapati fatwa-fatwa mengenai hukum fiqh di negeri-negeri di Malaysia adalah dibuat berdasarkan pandangan mazhab Syafi'i. Penegasan secara perundangan telah menjadi bukti kukuh dan utama kepada dominasi mazhab Syafi'i di Malaysia.¹

MAZHAB SYAFIE DAN AMALAN FATWA DI MALAYSIA

Kedatangan Islam ke Malaysia mempunyai pelbagai teori sama ada dari tanah Arab, India serta China. Teori-teori tersebut mempunyai sandaran masing-masing. Apa yang penting ialah kedatangan Islam ke alam Melayu dan Malaysia khasnya berlaku pada zaman taqlid. Ini bermakna penyebaran Islam di rantau ini diwarnakan dengan pegangan mazhab pembawa dan penyebarannya. Islam disebarkan di rantau ini melalui mazhab Shafi'i² sama ada berasaskan teori kedatangan dan pengesahannya melalui sistem pengajian dan perundangan.³

Pengamatan terhadap bahan-bahan pengajaran dan pendidikan dalam sistem tradisional mengesahkan kenyataan di atas. Menurut Ahmad Mohd Salleh kitab bermazhab Syafi'i digunakan dalam pengajian di pondok-pondok, masjid, surau dan sekolah-sekolah agama.⁴ Bahan-bahan pengajian yang popular adalah hasil karya tokoh Syafi'iyah seperti karya-karya ulama' tempatan seumpama Syeikh Dawud al-Fatani, Muhamad bin Ismail Dawud al-Fatani, Muhammad Arsyad al-Banjari, Nur al-Din al-Raniri dan lain-lain. Begitu juga karya-karya ulama' tanah Arab seperti Abu Shuja', Imam Nawawi, Zayn al-Din al-Malibari, Qalyubi Wa 'Umayrah, Zakariyya al-Ansari dan lain-lain. Kesemua mereka adalah bermazhab Shafi'i.⁵

Pembinaan dan pengamalan undang-undang Islam di Malaysia sudah tentu dipengaruhi dan dikesani oleh pendidikan yang diikuti. Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka adalah berasaskan Undang-Undang Laut dan Hukum Kanun Melaka yang terbina atas Undang-undang Islam walaupun terdapat elemen-elemen hukum adat dan Undang-undang Hindu yang agak ketara.⁶ Pada dasarnya Hukum Kanun Melaka ini adalah undang-undang berasaskan syariat Islam mengikut Mazhab Syafi'i yang turut terpengaruh dengan adat-adat Melayu.⁷

Hukum Kanun Melaka telah menjadi asas kepada pembinaan hukum kanun lain di Tanah Melayu seperti Hukum Kanun Pahang, Undang-Undang 99 Perak, Undang-Undang Johor dan Undang-Undang Kedah. Penyusunan teks undang-undang tersebut dipengaruhi oleh bentuk penyusunan yang biasa terdapat dalam buku-buku bermazhab Syafi'i. Dalam kes qisas bagi kesalahan membunuh misalnya kitab-kitab Syafi'iyah membahagikan hukuman kepada tiga kategori: mempunyai niat, tidak

sengaja dan sengaja. Perkara demikian berlaku dalam penyusunan undang-undang disebutkan tadi.⁸

Melihat secara khusus tentang realiti amalan berfatwa di Malaysia sejak dahulu sehingga kini menunjukkan bahawa mazhab Syafi'i menjadi mazhab rasmi seperti ditetapkan dalam enakmen pentadbiran undang-undang Islam di negeri-negeri di mana setiap keputusan fatwa mesti berasaskan pendapat muktamad dalam mazhab tersebut.

Justeru semua rakyat wajib mengikut ketetapan fatwa mazhab Syafi'i walaupun mereka mungkin bermazhab selain Syafi'i. Penegasan hal tersebut dinyatakan antaranya dalam Ordinan Majlis Islam Sarawak 2001 berikut:

Seksyen 39. Qaul muktamad yang hendaklah diikuti.

(1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah seksyen 37, atau memperakukan pendapat di bawah seksyen 38, Majlis hendaklah pada lazimnya mengikut pendapat-pendapat yang diterima (qaul muktamad) Mazhab Syafie.

(2) Jika Majlis berpendapat bahawa dengan mengikut qaul muktamad Mazhab Syafie itu akan membawa kepada suatu keadaan yang bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis boleh, dengan keizinan khas Yang di-Pertua Negeri, mengikut qaul muktamad Mazhab Hanafi, Maliki atau Hanbali.

(3) Jika Majlis berpendapat bahawa tiada satu pun qaul muktamad daripada empat Mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada suatu keadaan yang bertentangan dengan kepentingan awam, maka Majlis boleh, dengan keizinan khas Yang di-Pertua Negeri, membuat fatwa mengikut hematnya sendiri tanpa terikat dengan qaul muktamad mana-mana satu daripada empat Mazhab itu.

(4) Semasa membuat apa-apa fatwa di bawah subseksyen (2) atau (3), Majlis boleh menerangkan secara terperinci dan dengan memberi apa-apa penjelasan yang diperlukan tentang peruntukan-peruntukan dan prinsip-prinsip yang diikutinya.

Hal yang sama turut boleh dilihat dalam Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991 Negeri Pahang (Seksyen 41), Enakmen Pentadbiran Agama Islam 1992 Negeri Perak (Seksyen 39), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 (Seksyen 54), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 (Seksyen 42), Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 (Seksyen 54) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) (Seksyen 54).

Kepatuhan kepada semua keputusan fatwa yang dibuat adalah bersifat mengikat semua orang dalam negeri berkenaan. Sekiranya masih terdapat pihak yang enggan patuh dengan fatwa yang diputuskan, mereka boleh dikenakan tindakan bukan kerana kebebasan bertaklid kepada mazhab lain, tetapi kerana melanggar ketetapan undang-undang di bawah autoriti pemerintah (*waliyyul amr*).

Sebagai satu bukti sejarah, sorotan sejarah awal amalan fatwa di negeri Kelantan menunjukkan hakikat berkenaan. Surat yang diberikan oleh Sultan Muhamad IV semasa perlantikan Hj. Wan Musa sebagai mufti membuktikan perkara di atas. Beliau telah diberikan surat kuasa menyatakan tugas dan tanggungjawabnya. Antara lain disebutkan:⁹

(i) Tiap-tiap guaman yang diputuskan oleh Hakim-hakim Mahkamah Syariah jika tiada betul dengan hukum syarak atau diputuskan dia dengan da`if pada mazhab Syafi`i, maka berkuasalah mufti itu membatalkan hukuman itu serta memberi fatwa kepadanya dengan qawl yang muktamad pada mazhab Syafi`i dan berkuasalah mufti menyuruhkan Hakim-hakim itu memutuskan kes yang diappeal oleh anak guaman itu mengikut bagaimana fatwanya yang berbetulan dengan hukum syarak.

Perkembangan yang berlaku kemudiannya telah memberikan anjakan baru dalam amalan fatwa apabila pandangan muktamad dalam mazhab selain syafi'i turut dibenarkan apabila terdapat keperluan penjagaan masalah awam sebagaimana diperuntukkan dalam ordinan atau enakmen atau akta pentadbiran agama islam negeri-negeri . Dengan peredaran zaman, pendedahan kepada pandangan hukum dalam mazhab-mazhab lain, buku-buku rujukan, kepentingan umum menunjukkan sikap sesetengah pihak yang agak terbuka dalam menerima pandangan-pandangan di luar mazhab Shafii. Keterbukaan amalan penfatwaan ini boleh dikesan berlaku dengan turut menerima pandangan hukum diluar dari pandangan mazhab Syafi'i dalam menyelesaikan isu yang berbangkit.

Amalan keterikatan kepada Mazhab Syafi'i sebenarnya berhasrat untuk mendisiplinkan masyarakat awam dengan pengetahuan dan amalan berkaitan hukum syarak secara konsisten. Tradisi ini telah berjaya memberikan kefahaman hukum yang standard kepada setiap peringkat masyarakat sebelum didedahkan kepada ikhtilaf pendapat dengan mazhab lain pada peringkat selanjutnya. Perpindahan kepada keterbukaan pandangan hukum diluar mazhab Syafi'i akan mengambil masa untuk dibudayakan. Di Kelantan misalnya, meskipun ruang telah diberikan kepada perluasan pandangan mazhab, namun dominasi mazhab Syafi'i dalam amalan fatwa yang berlaku kelihatan sangat jelas. Senarai rujukan yang disertakan dalam keputusan fatwa memperlihatkan hal tersebut. Untuk fatwa-fatwa yang dimuatkan dalam *Buku Himpunan Fatwa jilid kedua*, sebanyak 85% dari jumlah fatwa yang dinyatakan rujukan adalah berasaskan kepada kitab-kitab fiqh Syafi'iyah. Rujukan banyak dilakukan kepada *I'alah al-Talibin*, *Bughyah al-Mustasyidin*, *Fath al-Mu'in*, *Hasyiyah Qalyubi*, *Tuhfah al-Muhtaj* dan lain-lain.

Hakikat ini memperlihatkan bagaimana masyarakat awam dan pihak berkuasa fatwa merasa selesa untuk menerima pandangan dalam mazhab Syafi'i sebagai cadangan penyelesaian kepada isu yang berbangkit dalam masyarakat. Apa lagi jika dilihat penyelesaian hukum tersebut bersesuaian dengan keperluan isu yang ada.


FATWA-FATWA BERKAITAN ISU WANITA DI MALAYSIA

Keputusan pandangan hukum atau fatwa di Malaysia boleh diakses melalui kompilasi fatwa atau pandangan hukum yang diterbitkan oleh Pejabat Mufti negeri-negeri atau

Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI). Selain itu melalui kemajuan teknologi, koleksi fatwa yang diputuskan di peringkat negeri mahupun kebangsaan juga boleh diakses melalui laman sesawang rasmi Pejabat Mufti negeri masing-masing. Begitu juga, lama sesawang e-Sumber Maklumat Fatwa (e-SMAF) yang dikendalikan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) juga menghimpunkan koleksi fatwa yang dikeluarkan oleh kesemua negeri di Malaysia termasuk pandangan hukum Jawatankuasa Muzakarah MKI.

Dalam penulisan ini, carian terhadap isu-isu hukum berkaitan Wanita dilakukan melalui laman sesawang e-SMAF. Penulis menggunakan kata kunci “wanita”, “perempuan”, “muslimah” dan “isteri” bagi mengenalpasti fatwa dan pandangan hukum yang telah diputuskan. Hasil carian dapat dirumuskan seperti rajah 1 berikut:

Rajah 1: Hasil carian fatwa dan pandangan hukum berkaitan isu Wanita di Malaysia



Jumlah hasil carian keseluruhan awal bagi fatwa-fatwa yang berkaitan dengan isu kewanitaan adalah sebanyak 100. Namun setelah tolakan dibuat bagi hasil carian yang sama dan tidak berkaitan, terdapat 92 fatwa merangkumi yang diwartakan mahupun tidak diwartakan yang dikeluarkan oleh Pejabat-pejabat Mufti di peringkat negeri dan juga pandangan hukum daripada Jawatankuasa Muzakarah MKI. Taburan fatwa mengikut tahun, institusi fatwa, dan status pewartaan pula adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 1: Taburan fatwa berkaitan dengan isu kewanitaan mengikut tahun, insituti dan status pewartaan di Malaysia


Tahun	Bilangan	Status pewartaan	
		Warta	Tidak diwartakan
1966	1	0	1
1967	1	0	1
1968	2	0	2
1970	1	1	0
1971	1	0	1

1975	3	0	3
1977	1	0	1
1980	1	0	1
1982	1	0	1
1985	1	0	1
1986	1	1	0
1988	1	0	1
1989	2	0	2
1994	1	0	1
1995	3	1	2
1999	4	1	3
2000	1	0	1
2001	4	1	3
2004	1	1	0
2005	2	0	2
2006	6	1	5
2007	1	0	1
2008	9	3	6
2009	5	1	4
2010	7	1	6
2011	2	1	1
2012	7	0	7
2013	5	0	5
2015	6	0	6
2016	8	0	8
2017	1	0	1
2018	1	0	1
2019	1	0	1
JUMLAH	92	13	79

Daripada jadual di atas, dapat dirumuskan bahawa isu kewanitaan sentiasa mendapat perhatian masyarakat dan diajukan terhadap institusi fatwa semenjak tahun 1966 sehinggalah 2019. Daripada jadual di atas juga dapat difahami bahawa jawapan hukum berkaitan isu kewanitaan adalah banyak berbentuk fatwa yang tidak diwartakan. Fatwa berkaitan wanita yang diwartakan pula adalah sebanyak 13 fatwa daripada keseluruhan 92 fatwa iaitu mewakili 14%. Tahun 2008 mencatatkan bilangan fatwa berkaitan isu kewanitaan tertinggi iaitu sebanyak 9 fatwa daripada pelbagai negeri, diikuti tahun 2016 sebanyak 8 fatwa. Seterusnya, sebanyak 7 fatwa telah dikeluarkan pada tahun 2010 dan 2012 berkaitan isu kewanitaan.

Kategori isu yang banyak difatwakan berkenaan wanita digambarkan dalam Rajah 2. Seterusnya, institusi fatwa yang mengeluarkan keputusan hukum mengenai isu kewanitaan dan kategorinya pula dirumuskan seperti Jadual 2 berikut:

Rajah 2: Fatwa Berkaitan Isu Kewanitaan Di Malaysia Mengikut Kategori



Jadual 2: Institusi Fatwa Yang Mengeluarkan Fatwa Dan Pandangan Hukum Berkaitan Isu Kewanitaan Di Malaysia Mengikut Kategori

Bil.	Institusi fatwa	Jumlah	Kategori isu	Jumlah
1.	Jawatankuasa Muzakarah MKI	18	Sosial/Syariah	7
			Munakahat	8
			Zakat	1
			Perubatan	2
2.	Wilayah Persekutuan	4	Sosial/Syariah	1
			Munakahat	1
			Zakat	1
			Akidah	1
3.	Selangor	4	Sosial/Syariah	4
4.	Perak	1	Sosial/Syariah	1
5.	Kedah	7	Sosial/Syariah	3
			Ibadah	1
			Akidah	1
			Pakaian	1
			Muamalat/ekonomi	1
6.	Pulau Pinang	6	Sosial/Syariah	3
			Munakahat	1
			Ibadah	2
7.	Perlis	11	Sosial/Syariah	1
			Munakahat	8
			Ibadah	1
			Akidah	1
8.	Kelantan	1	Sosial/Syariah	1

9.	Terengganu	8	Sosial/Syariah	3
			Munakahat	1
			Ibadah	1
			Zakat	2
			Perubatan	1
10.	Pahang	4	Sosial/Syariah	1
			Zakat	1
			Akidah	1
			Pentadbiran	1
11.	Melaka	1	Sosial/Syariah	1
12.	Negeri Sembilan	9	Sosial/Syariah	3
			Munakahat	1
			Ibadah	1
			Zakat	1
			Perubatan	1
			Akidah	1
			Pakaian	1
13.	Johor	7	Sosial/Syariah	2
			Ibadah	2
			Perubatan	2
			Pakaian	1
14.	Sarawak	5	Sosial/Syariah	3
			Munakahat	1
			Ibadah	1
15.	Sabah	6	Sosial/Syariah	4
			Munakahat	1
			Lain-lain	1

Berdasarkan Rajah 2 di atas, fatwa berkaitan isu kewanitaan yang paling banyak diputuskan di Malaysia adalah di bawah kategori sosial/syariah iaitu sebanyak 38 fatwa yang mewakili 41% daripada jumlah fatwa yang berkaitan wanita. Isu berikutnya yang paling banyak diputuskan berdasarkan carian di e-SMAF adalah aspek munakahat iaitu sebanyak 22 fatwa yang mewakili 24% dan seterusnya diikuti dengan aspek ibadah sebanyak 9 fatwa atau 10%. Selain tiga kategori ini, aspek lain yang difatwakan adalah zakat, perubatan, akidah, pakaian, muamalat/ekonomi, pentadbiran dan lain-lain.

Pembahagian isu kewanitaan kepada kategori yang dinyatakan di atas adalah berdasarkan pengkelasan yang dibuat di dalam laman sesawang e-SMAF. Hasil penelitian terhadap fatwa-fatwa di bawah kategori yang dinyatakan mendapati bahawa terdapat fatwa berkaitan isu yang sama telah dikategorikan di bawah kategori yang berbeza. Antaranya seperti isu pemotongan genitalia wanita atau *khitan* yang fatwanya dikategorikan di bawah aspek sosial/syariah bagi negeri tertentu. Namun, ia dikelaskan di bawah kategori berbeza seperti perubatan dan juga ibadah bagi negeri-negeri yang lain. Begitu juga dengan isu berkaitan 'uruf pemakaian emas perhiasan yang kebanyakannya dikategorikan di bawah aspek zakat. Terdapat negeri tertentu telah mengkategorikannya sebagai pakaian. Seterusnya, isu kehadiran wanita *haid* ke masjid untuk tujuan pembelajaran dikategorikan di bawah aspek ibadah dan juga perubatan. Fatwa pelantikan hakim

wanita kebanyakannya pula dikategorikan di bawah aspek sosial/syariah, namun terdapat juga negeri yang mengkategorikannya di bawah aspek pentadbiran.

Dalam Jadual 2, taburan fatwa di bawah pelbagai kategori dikelompokkan mengikut institusi yang memutuskannya. Dapat difahami bahawa pandangan hukum berkaitan isu wanita banyak diputuskan di peringkat Jawatankuasa Muzakarah MKI iaitu sebanyak 18 fatwa. Di peringkat negeri pula, Perlis telah mengeluarkan sebanyak 11 fatwa berkaitan wanita diikuti Negeri Sembilan sebanyak 9, Terengganu sebanyak 8 dan Johor pula sebanyak 7 fatwa. Bilangan ini mewakili keadaan semasa masyarakat setempat yang mengutarakan persoalan berkaitan dengan isu wanita di negeri masing-masing. Ini kerana fatwa adalah refleksi kepada isu yang diajukan oleh *mustafti* iaitu masyarakat kepada mufti.

Sebagai jawapan kepada persoalan hukum, fatwa bersifat tidak mengikat dan berfungsi sebagai panduan kepada *mustafti*. Namun atas masalah dan keperluan tertentu, sebahagian fatwa boleh diwartakan di peringkat negeri dan justeru mempunyai kuatkuasa perundangan. Dengan demikian, fatwa yang diwartakan bersifat mengikat kepada penduduk di negeri berkenaan. Seperti mana yang telah dinyatakan terdahulu, daripada 92 fatwa berkaitan isu kewanitaan, hanya 13 fatwa iaitu 14% sahaja diwartakan. Butiran mengenai 13 fatwa tersebut adalah seperti dalam jadual 3 berikut:

Jadual 3: Fatwa-fatwa berkaitan isu wanita yang diwartakan di Malaysia

Bil	Tahun	Negeri	Kategori	Tajuk
1.	1986	Sabah	Sosial/Syariah	Penyertaan Wanita-Wanita Islam Dalam Pertandingan Atau Peraduan Ratu Cantik
2.	1970	Perlis	Munakahat	Nafkah Kepada Isteri Yang Nusyuz
3.	1995	Selangor	Sosial/Syariah	Fatwa Tentang Penyertaan Wanita Islam Dalam Pertandingan Ratu Cantik
4.	1999	Kedah	Akidah	Amalan Bomoh Wanita
5.	2001	Wilayah Persekutuan	Munakahat	Kedudukan Perkahwinan Suami Isteri Bukan Islam yang Memeluk Agama Islam
6.	2004	Sabah	Lain-lain	Buku " Horoscop Dan Primbon Wanita" Karangan Shanti
7.	2006	Wilayah Persekutuan	Sosial/Syariah	Melantik Wanita Sebagai Hakim Syarie

8.	2008	Wilayah Persekutuan	Akidah	Wanita Menyerupai Lelaki
9.	2008	Melaka	Sosial/Syariah	Pengharaman Wanita Menyerupai Lelaki (Pengkid)
10.	2008	Johor	Sosial/Syariah	Hukum Wanita Menyerupai Lelaki (Pengkid)
11.	2009	Pulau Pinang	Sosial/Syariah	Fatwa Mengenai Hukum Wanita Menyerupai Lelaki Dan Sebaliknya
12.	2010	Perak	Sosial/Syariah	Fatwa Mengenai Hukum Wanita Menyerupai Lelaki (Pengkid) Dan Hukum Lelaki Menyerupai Perempuan (Pondan Dan Mak Nyah)
13.	2011	Terengganu	Sosial/Syariah	Senaman Yoga dan Wanita Menyerupai Lelaki (Pengkid)

Daripada jadual di atas, didapati bahawa kedapatan fatwa berkenaan isu yang sama telah diwartakan di peringkat negeri. Antaranya adalah berkenaan penyertaan wanita dalam pertandingan ratu cantik. Fatwa ini telah diwartakan di Sabah pada tahun 1986 dan juga di Selangor pada tahun 1995. Selain itu, isu wanita menyerupai lelaki telah diwartakan di enam buah negeri dengan tajuk berbeza. Wilayah Persekutuan, Melaka dan Johor telah mewartakannya pada tahun 2008, manakala Pulau Pinang pada 2009, Perak pada 2010 dan Terengganu pada 2011.

Selain itu, berdasarkan penelitian didapati bahawa antara isu yang banyak difatwakan di negeri-negeri walaupun tidak diwartakan adalah seperti berikut:

Jadual 4: Isu berkaitan wanita yang banyak difatwakan di Malaysia

Bil	Isu	Tajuk fatwa	Tahun fatwa	Institusi fatwa
1.	Pelantikan Hakim syarie Wanita	Hukum Melantik Wanita Sebagai Hakim Syarie	2006	Jawatankuasa Muzakarah MKI
		Melantik Wanita Sebagai Hakim Syarie	2006	Wilayah Persekutuan
		Hukum Pelantikan Hakim Syarie Wanita	2006	Selangor
		Hukum Pelantikan Hakim Syarie Wanita	2006	Sarawak
		Pelantikan Hakim Syarie Wanita	2010	Kedah
		Cadangan Pelantikan Hakim Syarie Wanita di Mahkamah Syariah Negeri Sabah	2010	Sabah
		Hukum perlantikan Hakim Syarie Wanita	2012	Pahang
		Perlantikan Hakim Syarie Wanita	2016	Pulau Pinang

		Pindaan Sighah Fatwa Hukum Pelantikan Hakim Syarie Wanita	2016	Selangor
		Cadangan Pelantikan Ketua Hakim Syarie dalam Kalangan Wanita	2019	Jawatankuasa Muzakarah MKI
2.	Uruf Pemakaian Emas Perhiasan	Penentuan 'Uruf Pemakaian Emas Wanita Islam Negeri Sembilan	2009	Negeri Sembilan
		Kadar 'Uruf Emas Perhiasan Wanita di Negeri Terengganu	2010	Terengganu
		Penentuan Kadar 'Uruf Pemakaian Emas di Kalangan Wanita Islam di Seluruh Malaysia	2015	Pahang
		'Uruf Pemakaian Emas Wanita Islam di Negeri Sembilan	2015	Negeri Sembilan
		Kadar 'Uruf Pemilikan dan Pemakaian Barang Kemas Kalangan Wanita Islam di Wilayah Persekutuan	2016	Wilayah Persekutuan
3.	Wanita haid masuk ke masjid	Wanita Haid Memasuki Masjid Untuk Tujuan Pembelajaran Semata-Mata	2000	Jawatankuasa Muzakarah MKI
		Wanita Haid Hadir Mendengar Ceramah Agama dalam Masjid atau Balai Lintang	2005	Pulau Pinang
		Hukum Wanita Haid Memasuki Masjid untuk Tujuan Pembelajaran Semata-mata	2010	Sarawak
		Wanita Haid Memasuki Masjid untuk Tujuan Pembelajaran Semata-mata	2012	Negeri Sembilan
		Menetap dan Mengisytiharkan Hanya Dewan Solat Sembahyang Utama Sahaja Sebagai Kawasan Larangan Bagi Mereka Yang Berjunub dan Perempuan Haid	2018	Terengganu
4.	Khitan wanita	Hukum Pemotongan Genitalia Wanita (FGM)	2009	Jawatankuasa Muzakarah MKI
		Pemotongan Genitalia Wanita	2012	Negeri Sembilan
		Hukum Berkhatan Bagi Perempuan Muslim	2013	Johor
		Khitan Anak Perempuan	2017	Perlis

5.	Berjabat tangan dengan wanita ajnabi	Hukum Berjabat Tangan dengan Wanita Ajnabi	2007	Jawatankuasa Muzakarah MKI
		Hukum Berjabat Tangan dengan Wanita Ajnabi	2008	Kelantan
		Berjabat Tangan dengan Wanita Ajnabi	2015	Negeri Sembilan
6.	Wanita Haid Membaca al-Quran	Hukum Membaca al-Quran bagi Wanita yang Uzur Syarie	2013	Kedah
		Semakan Hafazan al-Quran Pelajar Perempuan Sedang Haidh	2013	Negeri Sembilan
		Wanita Haid Membaca al-Quran dan Tami' Hafazan al-Quran bagi Tujuan Peperiksaan	2016	Johor

Jadual 4 menyenaraikan antara isu-isu utama wanita yang banyak difatwakan di peringkat negeri di Malaysia. Ini menggambarkan bahawa persoalan tersebut meluas di Malaysia dan menuntut jawapan hukum daripada pihak mufti di negeri-negeri tersebut. Selain itu, dapat dirumuskan bahawa pandangan hukum oleh Jawatankuasa Muzakarah MKI tidak mengikat dan negeri mempunyai wewenang sendiri untuk mengeluarkan fatwa dan mewartakan sebahagian fatwa tertentu sesuai dengan keperluan di negeri masing-masing.

ANALISIS PEMAKAIAN PANDANGAN MAZHAB SYAFIE DALAM FATWA BERKAITAN ISU KEWANITAAN DI MALAYSIA

Terdapat banyak isu kewanitaan yang diputuskan melalui fatwa di Malaysia. Namun, perbincangan selanjutnya hanya memfokuskan kepada tiga isu iaitu *ihdad*, pelantikan hakim wanita dan *khitan*.

1) Fatwa Mengenai *Ihdad*

Ihdad telah ditakrifkan dengan pelbagai takrifan oleh para ulamak yang boleh dirumuskan sebagai larangan bagi isteri yang kematian suami daripada berhias diri dengan meninggalkan wangian, solekan dan pakaian yang boleh menarik perhatian lelaki kepadanya¹⁰ sebagai tanda berkabung kerana kematian suami

Dalam perbahasan ulama mazhab al-Syafi'i, wanita memiliki kewajiban melaksanakan *ihdad* kerana kematian suaminya selama tempoh empat bulan sepuluh hari. Keperluan *ihdad* ini adalah berdasarkan hadis Nabi :

لا يحل لامرأة تؤمن بالله واليوم الآخر أن تحد على ميت فوق ثلاث ليال إلا على زوج أربعة أشهر وعشرا

“Tidak boleh seorang perempuan yang beriman kepada Allah dan hari akhir berkabung untuk orang mati kecuali untuk suaminya selama empat bulan sepuluh hari.”¹¹

Dalam hadis tersebut dijelaskan bahawa Nabi menyuruh wanita yang kematian suami ber*ihdad* selama 4 bulan 10 hari. Menurut Sayyid Abu Bakar al-Dimyati, ulama telah Ijma' menyatakan bahawa *ihdad* hukumnya wajib ke atas wanita kematian suami kerana sesuatu yang dibolehkan setelah larangan adalah wajib. Walaupun terdapat ulama yang tidak mewajibkan *ihdad* ke atas wanita yang ditinggal mati oleh suaminya seperti Imam al-Hasan al-Basri. Namun bagi Sayyid Abu Bakar al-Dimyati, hal tersebut tidaklah menyebabkan cacatnya Ijma' ulama tersebut.

Imam Syafi'i juga di dalam kitab al-Umm mengatakan, Allah Swt. memang tidak menyebutkan *ihdad* dalam Al-Qur'an, namun ketika Rasulullah saw. memerintahkan wanita yang ditinggal mati oleh suaminya untuk ber*ihdad*, maka hukum tersebut sama dengan kewajiban yang ditetapkan oleh Allah Swt. di dalam kitab-Nya. Beliau berkata dalam kitab al-Umm:

(قال الشافعي) رحم الله تعالى، ذكر الله تعالى عدة الوفاة والطلاق والسكني المطلقة بغاية إذا بلغتها المعتدة حلت وخرجت وجاءت السنة بسكني المتوفي عنها كما وصفت ولم يذكر إحداها فلما أمر رسول الله صلى الله عليه وسلم المتوفي عنها أن تحدد كما ذلك كما أحكم الله عز وجل فرضه في كتب

Ertinya : “ Berkata Imam Syafi'i rahimahullah : Allah Swt telah menyebutkan 'iddah kematian suami, 'iddah talaq, dan keperluan nafkah tempat tinggal bagi wanita yang ditalaq dengan batas akhirnya, di mana jika wanita yang ber'iddah ini mencapai batas tersebut, ia menjadi halal dan diperkenankan keluar rumah. Begitu juga dalam sunah terdapat penjelasan mengenai tempat tinggal wanita yang ditinggal kerana kematian suami. Namun Allah S.W.T tidak menyebutkan mengenai Ihdad-nya, maka ketika Rasulullah S.A.W memerintahkan wanita yang ditinggal mati suaminya untuk ber*ihdad*, maka perintah itu sama kedudukannya dengan apa yang Allah perintahkan di dalam al Quran”.¹²

Ihdad bagi wanita yang berkerja

Dalam konteks *ihdad*, secara realitinya akan terkait dengan isu wanita ber*ihdad* yang terpaksa keluar rumah untuk bekerja. Apakah status hukum untuk wanita berkenaan mesti diputuskan.

Ibnu Hajar al-Haitami ketika diminta fatwanya mengenai isteri yang belajar, bekerja dan sebagainya, apakah mereka dibenarkan keluar rumah tanpa izin suaminya boleh dijadikan rujukan untuk isu ini. Dalam memberikan respon kepada isu tersebut beliau menyatakan, harus untuk isteri keluar rumah tanpa izin suaminya bagi situasi berhajat dan darurat, seperti takut rumahnya roboh, kebakaran, tenggelam, takut dengan ancaman musuh, atau untuk keperluan mencari nafkah kerana suami tidak memberikannya dengan cukup atau juga kerana keperluan keagamaan seperti *istifta'* (belajar, bertanya tentang hukum-hukum agama) dan seumpamanya.¹³

Pandangan seumpama ini juga dipegang oleh Zainuddin al-Malibari dalam kitabnya *Fath al-Mu'in* dengan mengatakan bahawa seorang isteri diharuskan keluar dari rumahnya tanpa dianggap nusyuz untuk hal-hal sebagai berikut : jika rumahnya akan roboh, jiwa atau hartanya terancam oleh penjahat, mengurus hak-hak di pengadilan, belajar ilmu-ilmu yang fardhu 'ain atau untuk keperluan *isftifta'* (meminta fatwa) karena suaminya jahil, atau untuk mencari nafkah selama suaminya tidak mampu menafkahnya.¹⁴

Bahkan untuk keadaan tertentu, isteri diwajibkan bekerja seperti untuk keperluan menanggung biaya hidupnya sendiri beserta keluarga, karena tidak ada lagi orang yang membiayainya dan menafkahnya. Dalam hal ini Jabir bin Abdullah pernah menceritakan bahwa emak saudaranya telah bercerai dengan suaminya. Suatu hari dia bermaksud menguruskan kebun kurmanya, tiba-tiba datang seorang laki-laki mengherdik dan melarangnya keluar rumah. Wanita ini kemudian datang kepada Rasulullah SAW untuk menanyakan kes tersebut:

طَلَّقْتُ خَالَتِي ، فَأَرَادَتْ أَنْ تَجِدَ نَخْلَهَا ، فَرَجَرَهَا رَجُلٌ أَنْ تَخْرُجَ ، فَأَتَتِ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، فَقَالَ " : بَلَى ، فَجِدِّي نَخْلِكَ ، فَإِنَّكَ عَسَى أَنْ تَصَدَّقِي ، أَوْ تَفْعَلِي مَعْرُوفًا "

Memberikan respon kepada persoalan tersebut , Rasulullah bersabda, "keluarlah dan urus lah kebun kurmamu, mudah-mudahan daripada pekerjaan mu itu engkau boleh berbelanja atau melakukan kebaikan dengannya."¹⁵

Hadis tersebut menjelaskan, bagi wanita yang mempunyai keperluan dan komitmen untuk menyara kehidupan serta bertindak baik demi kemaslahatn diri dan keluarga, diperbolehkan melaksanakan ihdad sesuai dengan kadar dan keperluannya. Namun tidak bererti meninggalkan nilai-nilai serta tujuan dalam ihdad yakni untuk menghindari diri dari fitnah dan dalam kondisi demikian, maka seorang perempuan yang melakukan kewajiban demi kemaslahatan dan masih dalam tanggungan masa iddah serta ihdad disarankan tetap melaksanakan segala adab dan ketentuan ihdad.

Menurut garis panduan yang disarankan oleh JAKIM bagi menangani keadaan seperti ini ada menyebutkan : "Memang tidak munasabah selepas kematian, si isteri memakai pakaian yang hebat dan berhiasan serta berwangi-wangian kemudian keluar daripada rumah seperti wanita yang lain. Hal ini tidak menzahirkan sebarang penghormatan kepada suaminya yang telah meninggal dunia. Justeru, para ulama' dan imam-imam mazhab yang empat telah membuat kesimpulan berkaitan dengan hukum-hakam *ihdad* antara lain kata mereka:¹⁶

- bahawa sesungguhnya *ihdad* wajib ke atas kematian suami untuk menzahirkan rasa dukacita dan menunaikan janjinya. Begitu juga kerana terputusnya nikmat perkahwinan dan bukan semata-mata nikmat dunia tetapi melangkaui akhirat. Ini kerana, nikah menjadi sebab kejayaan mereka di dunia dan akhirat.
- Begitu juga pensyariatan *ihdad* kerana mencegah niat lelaki untuk bersama dengannya kerana kalau dia berhias-hias sudah pasti membawa ke arah itu dan ini tidak dibenarkan sama sekali

Para ulama' telah menyebut beberapa perkara yang wajib di jauhi ketika di dalam keadaan *ihdad*. Antaranya, setiap apa yang dianggap sebagai perhiasan pada perkiraan syarak atau uruf sama ada berkaitan dengan penampilan fizikal, pakaian atau yang boleh menarik pandangan umum kepadanya seperti keluar daripada rumahnya atau yang boleh membawa kepada peminangannya. Ini adalah antara kadar yang perlu dijaga sebagaimana yang disepakati.

Antara yang boleh dikategorikan sebagai rukhsah bagi memenuhi keperluan hajat dan juga masalah adalah seperti keluar untuk bekerja, membeli barangan rumah yang penting seperti makanan, minuman dan sebagainya (sekiranya tiada orang lain yang boleh membantunya seperti anak-anak melainkan dirinya), keluar untuk menghadiri kuliah/kelas bagi mereka yang belajar (yang mana jika dia tidak menghadiri kelas sepanjang tempoh iddah tersebut akan memberi kesan kepada pelajarannya). Kesemua ini, dikira sebagai hajat keperluan dan masalah.

Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam al-Bayan Linnas Siri ke 61 yang dikeluarkan pada Mei 2016, turut memberikan penjelasan kepada isu ini dengan memberikan garis panduan bagi isteri yang sedang beriddah dan *berihdad*:¹⁷

1. Tidak keluar rumah dengan sewenang-wenangnya tanpa hajat dan bukanlah keluarnya dia dengan tujuan maksiat serta hendaklah dia menjaga auratnya di luar rumah.
2. Jika dapat mewakili kepada kaum keluarga seperti anak-anak ataupun rakan-rakan lain maka alangkah baiknya.
3. Menjaga tatasusila dan adab ketika di dalam iddah (berkabung).
4. Menjarakkan diri daripada perkara yang membawa kepada fitnah.
5. Tidak berhias-hias seperti emas, perak permata dengan memakai gelang dan rantai.
6. Tidak memakai wangi-wangian termasuk juga bukhur ataupun minyak wangi.
7. Hendaklah dia keluar ke rumah dan selesaikan segala urusan keperluannya itu pada waktu siang hari manakala padu malamnya hendaklah dia berada dan bermalam di rumahnya.

Pandangan fatwa yang dipilih untuk isu ini jelas sekali adalah berasaskan kepada pandangan hukum yang ada dalam mazhab Syafi'i sebagaimana rujukan yang disertakan di awal perbincangan.

2) Fatwa Mengenai Perlantikan Hakim Wanita

Para fuqaha berselisih pendapat dalam menentukan hukum pelantikan wanita sebagai hakim. **Jumhur fuqaha** yang terdiri daripada Mazhab Syafi'i, Hanbali, dan Maliki tidak mengharuskan pelantikan hakim wanita sehingga jika mereka dilantik dan membuat sebarang perhukuman, ia dikira tidak sah.¹⁸ Dalil yang dipegang oleh majoriti fuqaha tadi untuk hal ini adalah seperti ayat al Quran surah al Nisa' ayat 34 yang bermaksud:

Kaum lelaki adalah pemimpin bagi kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian (lelaki) ke atas sebahagian yang lain (wanita)

Ayat di atas menjelaskan bahwa Allah SWT telah menjadikan orang lelaki berkuasa dan pemimpin ke atas kaum wanita. Dalam hal ini, al-Mawardi menjelaskan bahawa kelebihan lelaki ke atas wanita itu adalah dari segi akal dan fikiran.¹⁹ Selain itu, jumhur fuqaha juga berhujah dengan hadis Nabi s.a.w. yang diriwayatkan oleh Bukhari, Imam Ahmad dan Tirmizi daripada Abu Bakar RA beliau berkata:

Tatkala sampai berita kepada Rasulullah SAW bahawa orang Parsi telah melantik anak perempuan Raja Kisra menjadi raja mereka, lalu baginda bersabda yang bermaksud:

*Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang melantik wanita mengendalikan urusan mereka.*²⁰

Ijmak juga menjadi sandaran yang mereka pegang, di mana para jumhur fuqaha telah bersepakat bahawa tidak boleh melantik wanita sebagai hakim telah diijmakan oleh para ulamak mujtahid. Ijmak ini telah berlaku sebelum Ibn Hazmin mengeluarkan pandangan yang mengharuskannya. Pandangan Ibn Hazm yang mengharuskan pelantikan itu dianggap menyalahi ijmak. Oleh itu pendapat beliau tidak diterima lebih-lebih lagi pandangan ini muncul bukan pada zaman para mujtahid yang telah berijmak bahkan ia berlaku kemudian dari kematian para mujtahid berkenaan

Golongan majoriti ini juga beralih kepada dalil 'aqli dan rasional. Mereka berhujah bahawa bidang kehakiman adalah suatu yang memerlukan kesempurnaan akal, pemikiran dan kebijaksanaan. Sedangkan ini tidak wujud dengan sempurna kepada wanita secara umumnya kerana kebiasaannya mereka mudah terkesan oleh perasaan yang menjadi tabiatnya dan juga faktor semulajadi yang sering berlaku kepada mereka setiap bulan dan tahun seperti haid, hamil dan bersalin. Ini semua boleh menghalang mereka daripada membentuk suatu pandangan yang sempurna. Selain daripada itu majlis kehakiman ini akan dihadiri oleh pihak-pihak yang bersengketa terdiri daripada lelaki, sedangkan wanita tidak layak menghadiri tempat-tempat perhimpunan lelaki, kerana ia menyentuh kemuliaan dan imej wanita.²¹

Pendapat kedua adalah seperti yang dipegang oleh Ibn Jarir al-Tabari²² dan Ibnu Hazm al-Zahiri yang mengharuskan kaum wanita menjadi hakim dan mengadili dalam semua perkara tanpa batasan kepada kes-kes tertentu sahaja. Antara hujah yang dipegang oleh golongan ini adalah :

- a) Asalnya setiap individu yang mampu membuat keputusan atau hukuman antara manusia maka harus bagi mereka untuk terlibat dengan bidang perundangan dan pengadilan. Kaum wanita juga adalah diantara orang yang boleh membuat keputusan yang demikian kerana sifat kewanitaannya tidak akan menjejaskan kefahamannya terhadap hujah-hujah yang didengari dalam sesi pengadilan dan boleh membuat keputusan ke atas pertikaian atau perbalahan yang berlaku tanpa kekurangan.
- b) Apabila wanita boleh dilantik menjadi mufti maka wanita juga harus diantik menjadi hakim.
- c) Pelantikan seorang wanita yang dikenali sebagai Ummu Syifa' sebagai

penguasa pasar oleh Saidina Umar menjadi ukuran untuk isu perhakiman juga

Sementara itu Ibn Jarir membawakan hadis Nabi SAW yang dibawa oleh jumbuh ulama yang menyatakan bahawa sesuatu urusan tidak akan berjaya jika wanita diberikan kuasa untuk mengendalikannya. Namun beliau mempunyai tafsiran yang berbeza apabila menyanggahi alasan kekurangan yang ada pada kaum wanita dengan mengatakan kemampuan wanita tidak akan sama pada semua waktu dan zaman. Dalam keadaan di mana kecekapan, keahlian dan kemampuan wanita adalah menyamai atau melebihi kaum lelaki yang ada, maka tidak ada halangan untuk dilantik wanita menjadi hakim. Hadis yang sama telah diberi komentar oleh Ibn Hazm dengan menyebut, oleh kerana *dalalahnya* tidak jelas, maka ia terbuka kepada ijtihad.

Manakala **pendapat ketiga** yang dipegang ulama mazhab Hanafi adalah keharusan bersyarat, iaitu dengan hanya dibolehkan wanita menjadi hakim dalam kes-kes kehartaan sahaja tidak dalam kes hudud dan *qisas*²³ Pandangan Syeikh Dr Yusuf al-Qaradawi²⁴ dalam bukunya *Fatawa al-Mu'asirah* didapati selari dengan pandangan ini. Pandangan ini kelihatan sebagai pandangan pertengahan dengan membenarkan wanita memegang jawatan kehakiman namun dengan membataskannya kepada kes kehartaan sahaja dan tidak kepada kes berkaitan hudud dan qisas.

Pandangan ini adalah antara yang turut digunapakai di Malaysia, apabila Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-73 yang bersidang pada 4 - 6 April 2006 memutuskan bahawa wanita harus dilantik menjadi Hakim Syarie dalam kes-kes selain kes hudud dan qisas. Muzakarah turut menetapkan pemilihan dan pelantikan hendaklah dibuat dengan penuh teliti dan teratur.²⁵

Isu ini telah mengundang polemik yang agak panjang. Sebelum keputusan muzakarah dibuat terdapat beberapa saranan yang telah dibuat oleh para ahli akademik dan para hakim syar'ie supaya tidak ada diskriminasi gender dalam perlantikan hakim syar'ie di Malaysia, apatah lagi apabila kes-kes yang terlibat di mahkamah Syariah adalah kes yang bukan melibatkan jenayah hudud dan qisas. Hasil dari pandangan yang dipilih oleh Muzakarah ini, maka pada tahun 2010 hakim syari'e wanita pertama telah dilantik di Mahkamah Rendah Syariah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kemudian disusuli oleh negeri-negeri lain seperti Melaka, Selangor, Terengganu dan lain-lain. Sehingga data 2018, terdapat 33 hakim syarie wanita telah dilantik di pelbagai peringkat mahkamah Syariah.²⁶

Walau bagaimanapun, Negeri Pulau Pinang berbeza pandangan dalam isu ini dan masih mengekalkan keputusan berdasarkan pandangan jumbuh seperti yang dijelaskan dalam teks fatwa berikut²⁷:

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2016 yang bersidang pada 22-23 April 2016 telah membincangkan mengenai Perlantikan Hakim Syarie Wanita. Mesyuarat memutuskan seperti berikut:

(i) tidak bersetuju dengan cadangan Perlantikan Hakim Syarie Wanita dan mengekalkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang Bil. 4/2012 bertarikh 17 Julai 2012.

(ii) perlantikan Hakim Syarie Wanita bukanlah jalan penyelesaian bagi menangani isu-isu yang telah ditimbulkan dan ia belum sampai ke tahap keperluan ketika ini.

(iii) Pihak Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia juga disarankan agar menambah perjawatan Hakim dan mengutamakan perlantikan Hakim Syarie Lelaki serta memaksimumkan waktu tugas para Hakim, umpamanya dijalankan perbicaraan pada waktu malam seperti yang pernah dilaksanakan di Mahkamah Syariah di Negeri Selangor.

3) Fatwa Mengenai Hukum *Khitan* Bagi Wanita

Berkhitan adalah proses yang melibatkan hanya melukakan sebahagian kulit pada bahagian atas klitoris. Bahagian yang dilukakan itu sangatlah kecil sebenarnya dan jauh sekali berbeza dengan proses bersunat lelaki. Terdapat beberapa pendapat utama dalam hukum *khitan* bayi perempuan yang dibahaskan dalam hukum fiqh dari kalangan para fuqaha'. Dalam konteks Malaysia juga terdapat beberapa polemik pandangan mengenai isu ini

Sayyid Abu Bakar al-Dimyati, dalam kitab *l'annah al-Talibin* menyebutkan bahawa *khitan* bagi perempuan dalam mazhab al-Syafi'i ialah wajib.²⁸ Imam An-Nawawi dalam kitab *al-Majmu Syarh al-Muhazzab* juga menjelaskan tentang hukum *khitan* yang dikemukakan oleh masing-masing mazhab. Hal ini lebih pada mazhab Syafi'i yang memberikan pandangan bahawa *khitan* wajib bagi laki-laki dan wanita.²⁹

Ibn al-Humam salah seorang ulama bermazhab Hanafi dalam kitab *Fath al-Qadir* berpandangan bahawa *khitan* adalah sunat bagi lelaki, manakala bagi perempuan ia adalah sebuah kemuliaan:

الختانان: موضع القطع من الذكر والفرج، وهو سنة للرجل، مكرمة لها

*Khitan itu memotong sebagian dari zakar (kemaluan laki-laki) dan faraj (kemaluan perempuan). Hukumnya Sunnah bagi laki-laki, dan bagi perempuan merupakan sebuah kemuliaan.*³⁰

Ibnu Qudamah dalam al-Mughni pula menyebutkan: "*Khitan* itu wajib bagi laki-laki, sedangkan bagi perempuan adalah suatu kemuliaan atau kebaikan, tidak wajib bagi mereka."³¹

Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-86 yang bersidang pada 21 hingga 23 April 2009 telah membincangkan Hukum Pemoangan Genitalia Wanita atau lebih dikenali sebagai *Female Genital Mutilation* (FGM) bersetuju memutuskan bahawa hukum *berkhitan* bagi wanita adalah

wajib. Namun, sekiranya ia boleh membawa kemudharatan pada diri, maka ia perlu dielakkan.³²

Hadis dari Anas bin Malik, yang merekodkan sabda Baginda Nabi S.A.W. kepada 'Ummu 'Athiyah adalah antara yang menjadi titik pegangan dan perdebatan dalam kalangan mereka yang menghukumkan *khitan* wanita sebagai wajib.

إذا خففت فأشمتي ولا تنهكي فإنه أسرى للوجه وأحضى للزوج

“Apabila engkau meng*khitan* wanita, sisakanlah sedikit dan jangan potong (bagian kulit klitoris) semuanya, karena itu lebih bisa membuat ceria wajah dan lebih disenangi oleh suami.”³³

Isu *khitan* wanita telah menjadi perdebatan sengit dalam masyarakat yang melibatkan para agamawan dan pengamal perubatan serta ahli akademik sehingga pelbagai perbincangan dan diskusi telah dilakukan oleh pelbagai pihak bagi mendapatkan pencerahan hukum mengenai perkara ini. Ia menjadi lebih sengit apabila ia dikatakan sebagai menyerupai amalan FGM yang diamalkan di kebanyakan negara-negara Afrika dan Asia Barat yang telah dikritik hebat oleh masyarakat antarabangsa dan disifatkan sebagai suatu kezaliman dan penganiyaan.

Menurut catatan yang dibuat oleh Prof Rafidah Hanim dalam ruangan kolumnis pada The Merdeka Times, “jika dilihat, proses berkhitan bagi bayi perempuan tidak kira sama ada secara tradisional mahupun moden, ia melalui proses yang hampir serupa. Namun, oleh kerana negara kini mempunyai kemudahan dan peralatan yang canggih, maka proses berkhitan itu menjadi lebih mudah dan cepat.

Pada hari ini, para ibu bapa lebih memilih untuk mengkhitan bayi perempuan mereka secara moden. Ini kerana keselamatannya yang lebih terjamin selain daripada penggunaan peralatan yang lebih bersih dan canggih. Dalam satu kajian yang dilakukan di Malaysia pada tahun 2012 oleh Universiti Malaya, didapati hampir 93% wanita rakyat Malaysia telah melakukan amalan bersunat wanita dan semakin ramai melakukannya di klinik oleh pegawai perubatan. Ini kerana female circumcision yang diamalkan di Malaysia adalah dengan memotong sedikit tisu klitoris atau sedikit tusukan “needle prick” dilakukan pada bahagian klitoris. Manakala amalan FGM yang diamalkan di kebanyakan negara-negara Afrika dan Asia Barat pula melibatkan pemotongan sebahagian alat kelamin dan ini sama sekali bertentangan dengan amalan khatan bayi perempuan. Ia sememangnya mengundang bahaya dan menganiyai wanita serta patut dihalang. Justeru itu, amalan bersunat yang dilakukan oleh masyarakat Melayu di Malaysia bukanlah sama seperti FGM yang dilakukan di Negara Afrika dan Asia Barat. Amalan “female circumcision” yang dilakukan di Malaysia adalah selamat dan tidak mendatangkan risiko jangka pendek dan panjang”.

Dalam memberikan respon kepada isu ini Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan dalam siri al-Kafi li al-Fatawi (1043) pada 11 Januari 2019 ada menyebutkan: “Dalam mazhab al-Syafie, hukum berkhitan bagi wanita adalah wajib mengikut pendapat yang masyhur dan seperti mana yang diputuskan oleh Imam al-Syafie. Imam al-Rafie daripada Syafieyyah ada menyebutkan suatu wajah (pendapat) dalam mazhab Syafie bahawa hukumnya sunat ke atas wanita, tetap pendapat ini dianggap syadz (ganjil).³⁴

Menurut catatan selanjutnya dalam Al-Kafi: Timbul isu dalam kalangan masyarakat bahawa khitan wanita mencacatkan anggota dan tafsiran bahawa khitan wanita itu tidak disyariatkan di dalam Islam. Sebenarnya kami berpendapat isu ini berpunca daripada pengamalan budaya yang bukan Islam dan kejahilan sebahagian orang yang mengendalikan *khitan* yang melampau sehingga mencacatkan fungsi kemaluan wanita.

Berkata Prof. Dr. Yusuf al-Qaradhawi: “Dan wajib dipastikan tidak berlaku pencacatan oleh mereka yang mengendalikan urusan *khitan* anak perempuan mereka berdasarkan cara yang datang daripada hadis. Dan tidak boleh dilabelkan perbuatan *khitan* itu sebagai satu bentuk jenayah yang dilakukan dalam kurun ke-21, melainkan dalam kes-kes yang melanggar had-had yang disepakati dalam Syarak, iaitu *al-isti’sal* (pemotongan/pengembirian kemaluan), berlebihan dalam memotong, dan dikendalikan oleh orang-orang yang jahil daripada kalangan bidan dan selainnya, dan janganlah ubatan yang digunakan itu memandulkan.

Berkata Prof. Dr. Wahbah al-Zuhaili: “Berkhitan itu disyariatkan, dan tidak ada pendapat yang boleh menidakkan perkara ini sama ada bagi lelaki mahupun wanita. Yang penting adalah hendaklah ianya disempurnakan oleh doktor yang dipercayai. Jika seorang wanita tidak melakukan khitan, tidak ada dosa ke atasnya kerana itu merupakan haknya dan satu bentuk penghormatan atas *qaul* yang rajih dan ianya bukanlah wajib dan tidak perlulah kamu mewajibkannya.”

Di akhir perbincangan tentang hal ini, Pejabat Mufti Wilayah telah membuat tarjih dengan menyebutkan³⁵:

“Kami mentarjihkan pendapat bahawa wajib hukumnya berkhitan bagi lelaki dan perempuan. Adapun bahagian yang wajib untuk dibuang ketika berkhitan ialah:

- Bagi lelaki, bahagian kulit yang menutupi hasyafah (kepala zakar).
- Bagi perempuan, bahagian kulit diatas saluran kencing (klitoris), yang seperti balung ayam jantan.
- Bagi perempuan disunatkan agar dinipiskan atau dikemaskan sahaja, dan jangan melampau-lampau dalam memotong seperti amalan female genital mutilation
- yang mana sehingga merosakkan dan mencacatkan klitoris. Bahkan perbuatan seperti itu diharamkan dalam Islam berdasarkan hadis Ummu Atiyyah di atas”.

Daripada perbincangan ini, dapat dirumuskan bahawa keputusan hukum yang dibuat adalah berdasarkan kepada pandangan mazhab Syafi’i iaitu khitan wajib ke atas wanita jika tiada kemuratan. Pertimbangan agar tidak memberikan kemudahan ini juga diambil berat dalam fatwa negeri lain seperti Perlis. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perlis Kali Ke-29/2017 yang bersidang pada 18-19 April 2017 memutuskan isu ini seperti berikut:

“Hukum *khitan* bagi wanita berbeza mengikut keadaan alat sulit seseorang wanita. Ia berdasarkan keadaan setiap wanita setelah ditentukan keperluannya oleh pakar. Jika seseorang wanita mendapati dirinya perlu

melakukan *khitan* dan dipersetujui oleh pakar, maka ianya satu *makrumah* (penghormatan) seperti dalam hadis Ummu 'Atiyyah yang dinilai Hasan oleh sebahagian ulama. Sekiranya didapati tiada keperluan melakukan *khitan*, maka *khitan* tidak perlu dilakukan untuk dirinya.

Adapun *khitan* bayi perempuan yang dilakukan oleh sebahagian masyarakat tanpa merujuk keperluannya kepada pakar merupakan amalan yang tidak mempunyai apa-apa asas dalil syarak, bahkan mungkin mendedahkan bayi kepada kemudharatan jika dilakukan secara yang salah.

Andaian bahawasanya rangsangan seks berlebihan pada wanita disebabkan tidak ber*khitan* adalah tidak memiliki apa-apa alasan yang kukuh.”³⁶

PENUTUP

Pengaruh mazhab Syafi'i di Malaysia adalah suatu yang sangat jelas. Mazhab ini telah tersebati pengamalannya oleh setiap lapisan masyarakat islam dalam tempoh yang bukan singkat. Dengan sokongan sistem pendidikan, perundangan dan dokongan para penganutnya telah memperkukuhkan statusquo nya sebagai mazhab yang dominan. Namun dengan perubahan yang berlaku dalam masyarakat disebabkan pelbagai faktor yang mengiringi setiap zaman, maka jawapan hukum yang telah sedia ada dalam mazhab syafi'i tidak semuanya boleh mendepani perubahan yang berlaku kerana pada setiap zaman terdapat persoalannya yang tersendiri. Arus perubahan ini telah menggerakkan anjakan amalan penfatwaan hukum di Malaysia kepada suatu keterbukaan yang lebih dinamik. Justeru perubahan rujukan fatwa telah menunjukkan anjakan yang sangat positif kepada kebebasan ijtihad dalam kerangka yang lebih luas berasaskan kemaslahatan ummah. Di mana ada masalah maka di situlah berlakunya ketentuan hukum

SENARAI RUJUKAN:

- ¹ Abdullah Hj Ishak (1990), Islam Di Nusantara. Selangor: al- Rahmaniah, hh. 192-193; Ahmad Mohamed Ibrahim & Ahilemah Jones (1986), Sistem Undang-undang Di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 12.
- ² Omar Awang, "the major arabic sources which determined the structure of islamic thought in the malay archipelago before the nineteenth century a.d. in the field of law, theology and sufism", dalam Lutfi Ibrahim (1981), ISLAMIKA, h. 83-84.
- ³ Lihat sebagai contoh Abdul Halim El-Muhammady (1982), Pengaruh Madhhab Shafi'i dan Masalah Kaum Muda di Malaysia. Kajang: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, h. 3-4.
- ⁴ Ahmad Mohd Salleh (2004), Pendidikan Islam : Falsafah, Sejarah dan Kaedah Pengajaran, Pembelajaran, Selangor: penerbit Fajar Bakti, h. 162.
- ⁵ Lihat sebagai contoh Abdul Halim El-Muhammady (1982), Pengaruh Madhhab Shafi'i dan Masalah Kaum Muda di Malaysia. Kajang: Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur Tengah, hal 3-4.
- ⁶ Abu Hassan Sham (1995), Hukum Kanun Melaka. Melaka: Penerbitan Perbadanan Muzium Melaka, h. 14.).
- ⁷ Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Jones (1985), Sistem Undang-undang Di Malaysia, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 46-47
- ⁸ Mohamad Jajuli A. Rahman (1995), The Malay Law Text. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hh. 30-35.)
- ⁹ Ismail Awang, "Mufti Haji Wan Musa Abd. Samad", dalam Tokoh-tokoh Ulama Semenanjung Melayu (1), Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 301-302.)
- ¹⁰ Muhammad al-Zuhailiy. Al-Mu'tamad fi al-Fiqh al-Syafi'i. (Dimashq: Dar al-Qalam, 2015). Cet 5, 4/285
- ¹¹ Sahih al-Bukhari, Kitab al-Talak: Bab Tuhidda al-Mutawaffa 'anha Zaujha Arba' Ashhur wa 'ashra. Nombor 5334. Sahih Muslim, Fi al-Talak, bab Wujub al-Ihdad fi 'iddah al-Wafah, nomor 1486-1489.
- ¹² Muhammad Ibn Idris al-Syafi'i, Al-Umm, juz V, (Beirut : Dar al-Fikr, t.th), h. 246.
- ¹³ Ibnu Hajar al-Haitami, Al-Fatawa al-Kubra al-Fiqhiyah, Beirut, Darul kutub al- 'Islamiyah, 1983, juz VI, h. 205.
- ¹⁴ Zainuddin al-Malibari, Fath al-Mu'in (Beirut : Dar a;-Fikr, 1997) 4 juz, juz 4, h. 80
- ¹⁵ Sahih Muslim, Bab Jawaz Khuruj al Mu'taddah al Ba'in wa al- Mutawaffa 'anha jawjuha fi al nahar li Hajatiha, nombor 2375
- ¹⁶ "Garis Panduan Beriddah bagi Wanita yang Bercerai atau Kematian Suami", Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, diakses pada 3 Mei 2023, <https://www.islam.gov.my/en/guideline/479-garis-panduan-ber-iddah-bagi-wanita-yang-bercerai-atau-kematian-suami>.
- ¹⁷ "Bayan Linnas Siri Ke-61: Calon Wanita Berkempen Untuk Pilihanraya Dalam Keadaan 'Iddah", Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada 3 Mei 2023, <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/bayan-linnas/1159-bayan-linnas-siri-61-calon-wanita-berkempen-untuk-pilihanraya-dalam-keadaan-iddah>.
- ¹⁸ Al-Mawardi, Al-Ahkam Al-Sultaniyyah Wa Al-Wilayat Al-Diniyyah, Beirut, Mesir, 1966, Hlm.72.
- ¹⁹ Ibid, h. 83.

-
- ²⁰ Ibn Hazm, al Muhallah, Matba'ah al Jumhuriyyah, Mesir, jilid 9, 1970, h. 631
- ²¹ Suhaizad bin Saifuddin dan Prof Madya Dr Ahmad Azam bin Mohd Shariff (2019), Hakim Syarie Wanita di Malaysia: Pelantikan, Bidangkuasa dan Cabaran dalam Jurnal Hukum, Jilid 48, Bahagian 2, h. 4-5.
- ²² Wahbah al-Zuhayliy, 1985, al Fiqh al -Islamiy Wa Adillatuhu , Damsyik, Dar al Fikr, jilid 6, h. 699-701.
- ²³ Ibid
- ²⁴ Yusuf al-Qaradawi (1990) Fatawa Mu'asirah, Beirut, Dar Uli al-Nuha, jilid 2, h. 377.
- ²⁵ "Hukum Melantik Wanita Sebagai Hakim Syar'ie", e-Sumber Maklumat Fatwa, diakses pada 3 Mei 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15573>.
- ²⁶ Suhaizad bin Saifuddin dan Prof Madya Dr Ahmad Azam bin Mohd Shariff (2019), Hakim Syarie Wanita di Malaysia: Pelantikan, Bidangkuasa dan Cabaran dalam Jurnal Hukum, Jilid 48, Bahagian 2, h. 8.
- ²⁷ "Perlantikan Hakim Syarie Wanita", e-Sumber Maklumat Fatwa, diakses pada 3 Mei 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/10526>
- ²⁸ Sayyid Abu Bakar al-Dimyati, *l'annah al-Talibin*, (Beirut: Dar al-Fikr , 2009), Juz 4, h. 174.
- ²⁹ Imam al-Nawawi, al-Majmu' Syarh al-Muhazzab (al-Qahirah: Dar al-Hadis, 2010), juz 2, h. 107.
- ³⁰ Ibn Humam, Fath al-Qadir (Beirut, Dar al-Kutub al-Ilmiyah, 1993), juz 1, h. 63.
- ³¹ Ibnu Qudamah, al-Mughni, (Cairo : Maktabah al-Qahirah, TT), h. 64.
- ³² "Hukum Pemotongan Genitalia Wanita (Female Genital Mutilation)," e-Sumber Maklumat Fatwa, diakses pada 3 Mei 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15253>.
- ³³ Hadis riwayat Imam Abu Daud dalam Sunan (no. 5271). Beliau mendaikannya. Ini dipersetujui oleh Syeikh Syuaib al-Arnaut, tetapi disahihkan oleh Syeikh al-Albani.
- ³⁴ "Al-Kafi #419 : Hukum Berkhatan Bagi Kaum Wanita," Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, diakses pada 10 Mei 2023, <https://www.muftiwp.gov.my/artikel/al-kafi-li-al-fatawi/1336-al-kafi-419-hukum-berkhatan-bagi-kaum-wanita?highlight=WyJraGF0YW4iXQ==>
- ³⁵ Ibid.
- ³⁶ "Khitan Anak Perempuan," e-Sumber Maklumat Fatwa, diakses pada 3 Mei 2023, <http://e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/fatwa/fatwa/find/pr/15494>